

Kuala Lumpur: Kawasan 'syurga makanan' ibu kota sekitar Kampung Baru di sini semakin sesak susulan tindakan penjaja sengaja menghalang laluan di lokasi berkenaan.

Susulan itu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menggempur kawasan penjaja di sekitar lokasi itu kelmarin bagi menangani isu berkenaan.

DBKL dalam satu hantaran di Facebook berkata, sebanyak 22 tindakan sitaan dan pindah halangan dilaksanakan mengikut Seksyen 46(1)(d) Akta Jalan Parit Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil (UUK) Penjaja (WPKL) 2016.

"Tindakan ini diambil sebagai respons kepada aduan awam yang diterima dan untuk memastikan kawasan awam sentiasa teratur dan selamat.

"DBKL menegaskan bahawa semua peniaga dan penjaja mesti mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

"Antara barangan yang disita adalah kerusi/meja plastik, kanopi, tong gas, gerai besi beroda dan lain-lain peralatan yang di-

'Syurga makanan' di Kampung Baru diserbu



DBKL mengenakan 22 tindakan sita dan pindah halangan membabitkan penjaja di sekitar Kampung Baru, Kuala Lumpur.

letakkan di pesiar kaki dan laluan awam," kata hantaran itu, semalam.

Dalam hantaran sama DBKL berkata, semua barangan disita di bawa ke Stor Sitaan DBKL, Jalan

Lombong, Taman Miharja di sini bagi proses dokumentasi dan tindakan lanjut.

DBKL berkata, tindakan penguatkuasaan akan diteruskan dari semasa ke se-

masa bagi menjamin ke-selesaian warga kota dan, pengunjung serta pelancong.

Sebarang aduan boleh disalurkan ke pautan <https://adukl.dbkl.gov.my/>.